

05 MAR 2000

Umno-Cheras

CHERAS CALONKAN DR MAHATHIR DAN PAK LAH

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Umno Bahagian Cheras hari ini mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk jawatan Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Presiden parti pada pemilihan Umno Mei nanti.

Bahagian itu juga pada mesyuarat perwakilannya hari ini mencalonkan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim untuk jawatan Naib Presiden.

Ketua Bahagian Syed Ali Alhabshee memberitahu pemberita selepas mesyuarat yang bahagian itu juga bersetuju dengan cadangan supaya Menteri-menteri Besar tidak menawarkan diri untuk bertanding bagi jawatan Naib Presiden.

Ini kerana katanya, sebagai Menteri Besar adalah wajar mereka menumpukan perhatian kepada tugas-tugas lain yang lebih penting di negeri masing-masing terutama dalam memastikan Umno tidak kehilangan sokongan di peringkat akar umbi.

Untuk anggota Majlis Tertinggi (MT), bahagian berkenaan mencalonkan Pengerusi Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan Datuk Dr Suleiman Mohamad yang juga Timbalan Menteri Kesihatan, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Abdul Hamid Othman.

Yang turut mendapat pencalonan bagi jawatan MT ialah Datuk Shahrizat Abdul Jalil, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Datuk Azmi Khalid, Datuk Mohd Nazri Abdul Aziz, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Datuk Mohd Shafie Apdal, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, Tan Sri Ramli Ngah Talib, Tan Sri Kasitah Gaddam, Datuk Khalid Yunus dan Datuk Zainal Abidin Zin.

Calon-calon lain untuk anggota MT ialah Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Seri Adnan Yaakob, Datuk Dr Helmi Yahya, Abdul Azim Zabidi, Tengku Azlan Sultan Abu Bakar, Datuk Seri Mohd Shariff Omar, Datuk Suhaili Abdul Rahman, Datuk Paduka Ibrahim Ali dan Tan Sri Rahim Thamby Chik.

Umno Cheras merupakan bahagian pertama daripada 11 bahagian di Wilayah Persekutuan yang mengadakan mesyuarat perwakilan. Bahagian Seputih akan mengadakan mesyuarat hujung minggu depan manakala sembilan bahagian lain pada minggu-minggu berikutnya.

-- BERNAMA

NM PR